

**UTUSAN ONLINE**  
**Klana Resort salur sumbangan RM30,000**



Mat ALI HASSAN (tiga dari kanan) menyampaikan replika cek bernilai RM30,000 kepada Saudah Mat pada majlis sumbangan di Klana Resort, Seremban, Negeri Sembilan, semalam.

09 Februari 2017 12:18 AM

SEREMBAN 8 Feb. – Nasib keluarga seorang kakitangan Klana Resort yang maut dalam kemalangan pada Ogos tahun lalu mendapat perhatian pengurusan hotel itu yang menyalurkan sumbangan RM30,000 baru-baru ini. Pengurus Besar Klana Resort Seremban, Yazid Mustaffar berkata, pihak pengurusan dan kakitangan berasa sedih atas kehilangan, Mohd. Yusof Ismail, 47, kerana beliau pekerja yang dedikasi menjalankan tugas sebagai pembantu dapur. "Arwah seorang yang rajin dan mendapat banyak anugerah sepanjang 16 tahun berkhidmat dengan kami. Dia juga seorang yang peramah dan suka membantu rakan-rakan.

"Kerana kerajinannya, dia yang memulakan kerjaya dari bawah la itu Steward Assistant dinilai pangkat ke Commis 3 dan jawatan terakhir Commis 2," katanya selepas majlis penyerahan cek kepada keluarga arwah di sini. Sumbangan disampaikan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mat Ali Hassan yang juga Pengerusi dan Pengarah Eksekutif Emerald Spirit Sdn. Bhd kepada ibu mangsa, Saudah Mat, 77. Dalam kejadian 17 Ogos tahun lalu, allahyarham meninggal dunia selepas digillis sebuah treler ketika melintas di Jalan Dato Muda Linggi di sini untuk ke tempat kerja. Mangsa yang merupakan seorang duda mengalami cedera parah di kepala dalam kejadian yang berlaku kira-kira 300 meter dari Klana Resort. Sementara itu, adik mangsa, Latifah Ismail, 46, berkata, arwah merupakan seorang yang periang dan suka bergurau dengan ahli keluarga dan rakan-rakannya. "Setiap hari dia akan mengusik adik-beradik dan anak-anak saudara dengan menghantar mesej gurauan menerusi aplikasi WhatsApp. Sejak pemergiannya, kami sunyi kerana tiada lagi gurauannya," katanya. Ujarnya, anak kelima daripada tujuh beradik itu pernah menyatakan hasrat untuk berhenti kerja kerana mahu menjaga ibunya di kampung. "Sehingga sekarang ibu kami masih sedih dan kerap menangis. Setiap pagi, dia akan melawat kubur arwah," katanya lagi.